



Anwar menyampaikan sumbangan Bakul Rahmah pada Sambutan Pesta Ponggal Kebangsaan 2024 di Padang Chetty, Klang, malam kelmarin. Turut kelihatan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (dua dari kanan) dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari. (Foto bernama)

'Bukan mudah nak siasat golongan Tun'

Anwar gesa rakyat sokong usaha banteras pihak curi dana kerajaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Klang: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bukan mudah untuk menjalankan sebarang siasatan terhadap golongan kenamaan, khususnya yang bergelar Tun.

Katanya, siasatan terhadap golongan kaya dan kenamaan tidak semudah seperti disangka dan justeru itu, beliau meminta rakyat menyokong usaha kerajaan menyiasat individu berhubung kecurian dana kerajaan.

"Kami akan kejar penyangak itu, saya tidak peduli ...bila kita nak ambil tindakan (ke atas golongan berkenaan) rakyat marah, Perdana Menteri ini kasar sangat.

"Bagi saya ia (kritik kerajaan) aneh, sepatutnya kamu sokong. Bukan senang tahu, mahu siasat Tun.

"Siasat ketua kampung senang, siasat cikgu sekolah lagi senang. Saya mahu siasat orang kaya yang besar-besar curi duit ingat senang ke? Tak senang-

"Kita mahu jaga negara ini, jangan bagi orang curi harta rakyat," katanya ketika berucap pada Sambutan Pesta Ponggal Kebangsaan 2021, di Padang Chetty, di sini, malam kelmarin.

Tanpa menyebut mana-mana individu, Anwar menjelaskan, kerajaannya akan terus mencari

kebenaran dan menyiasat sebarang kecurian dana yang berlaku dalam negara ini.

"Setahun berlalu dan kita baru adakan Pemukiman Jemaah Menteri untuk tingkatkan usaha dari segi pelaksanaan. Tidak mudah. Hutang banyak, curi duit ini, curi, curi, curi. Pemimpin banyak kes dan bila kita hendak ambil tindakan hanya marah-marah," katanya.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, berhubung dakwaan rasuah dan pengubahan wang haram, susulan sitaan sebuah bangunan, baru-baru ini.

Pada 10 Januari lalu, isteri Daim, Toh Puan Nai'mah Abdul Khalid dan dua anaknya, hadir ke ibu pejabat SPRM di Putrajaya bagi membantu siasatan berkaitan bekas Menteri Kewangan dan ahli perniagaan itu.

Khamis lalu, badan antirasuah itu juga mengesahkan sedang menyiasat ahli perniagaan, Mirzan Mahathir, iaitu anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung perniagaannya pada akhir 1990-an.

Siasatan ke atas ahli perniagaan terkemuka itu susulan pendedahan dalam laporan Kertas Pandora.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga mengingatkan pemimpin masyarakat India supaya tidak terbawa-bawa dengan sentimen melampau dalam membuat tuntutan yang tidak akan menguntungkan negara.

Katanya, semua kaum ketika ini membuat tuntutan supaya masalah mereka diselesaikan segera oleh kerajaan, tetapi dalam menghadapi tuntutan itu, kera-

jaan menggunakan konsep MADANI yang adil untuk semua pihak.

"Ada dalam kalangan kaum saya sendiri menyerang kita, mengatakan (kerajaan) tidak adil, (tetapi) saya tidak mahu jawab.

"Saya hanya mahu ceritakan apa yang kita lakukan. Kemiskinan di Klang misalnya, kita mahu tumpukan itu, kita nak menjaga nasib rakyat dengan menoktahkan kemiskinan tegar," katanya.

Anwar berkata, kritikan amat didengari kerajaan, namun hujah yang melampau dan menyentuh isu perkauman perlu dielakkan.

"Untuk menyelesaikan masalah kaum India, kita bukan saja memberikan peruntukan RM100 juta melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) saja, sebaliknya kita juga selesaikan melalui program lain seperti tandas sekolah, kemiskinan tegar, rumah penjawat awam dan RM30 juta melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN).

"Saya juga meminta semua kementerian, termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perpaduan mengenal pasti masalah rakyat tanpa mengira kaum," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, selepas kerajaan berjaya membasmi kemiskinan tegar di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, beliau kini menunggu laporan lengkap dari Selangor dalam tempoh dua minggu berkenaan perkembangan sama.

"Sudah tentunya Selangor kita dapat uruskan dengan baik, dengan hasil yang baik dan boleh serta mampu selesaikan. Saya yakin Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan beres masalah kemiskinan," katanya.